

Atasi kesesakan 'Aerobus' mungkin dilaksana — Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis — Perkhidmatan bas dua tingkat atau "Arrow Bus" mungkin dilaksanakan di sekitar Lembah Kelang tidak lama lagi bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Satu rombongan jurutera dari Switzerland sedang berada di sini atas undangan Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan tersebut.

Mengumumkan demikian hari ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya bas dua tingkat akan dapat mengatasi kesesakan yang semakin menghebat itu.

Katanya, beliau sendiri membawa jurutera-jurutera Switzerland itu dengan menaiki helikopter baru-baru ini untuk meninjau kesesakan tersebut.

"Saya mahu mereka mengkaji masalah ini dengan menyaksikan sendiri kesesakannya dan dapat mengemukakan laporan yang lengkap serta komprehensif bagi mengatasi masalahnya," tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata adalah mustahil untuk melaksanakan keretapi bawah tanah di sekitar Lembah Kelang seperti di Hong Kong.

"Perbelanjaan untuk membina landasan keretapi bawah tanah dianggarkan melebihi \$1,000 juta untuk setiap batu dan Kerajaan tidak mampu untuk rancangan ini," katanya.

Menurut beliau, cara yang lebih berkesan ialah mengadakan perkhidmatan bas dua tingkat di samping

menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam seluas-luasnya.

Menurut beliau, semasa melawat Switzerland baru-baru ini, beliau telah merundingkan masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Kelang dengan jurutera berkenaan agar mereka dapat membantu Malaysia mengatasinya.*

Menyentuh desakan pihak tertentu supaya buruh sementara dari Indonesia dibenarkan bekerja di ladang-ladang kelapa sawit kerana kekurangan pekerja tempatan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata Kerajaan mesti "menjaga anaknya sendiri dahulu."

"Enam peratus penduduk negara ini menganggur dan keutamaan adalah diberi kepada orang-orang tempatan dulu," katanya.

Sekam

Baru-baru ini, beberapa ladang kelapa sawit mendesak dibenarkan mengambil pekerja sementara dari Indonesia untuk berkhidmat di sini kerana mereka menghadapi kekurangan tenaga buruh.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, perkara itu hanya akan ditimbang sekiranya didapati benar-benar diperlukan, masa ini, kita mesti mengatasi masalah pengangguran dalam negeri dahulu."

Beliau juga mengumumkan kajian-kajian sedang dijalankan mengenai kemungkinan menanam ubi kentang secara besar-besaran di negara ini bagi mengeluarkan sejenis alkohol untuk penggu-

naan tenaga.

Di samping itu, Lembaga Letrik Negara juga sedang mengkaji kemungkinan menggunakan sekam untuk dibakar bagi mengeluarkan tenaga elektrik untuk kegunaan negara.

Percubaan, kata beliau sedang dijalankan di Kedah dan sekiranya didapati berjaya, akan dilaksanakan di semua kawasan penanaman padi supaya sekam yang selama ini dibakar begitu saja akan dapat mengeluarkan tenaga elektrik.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia